

Gerakan mahasiswa pertahan LI

Metro (kempen), Kuala Lumpur, 22/7/01 ms 21

KUANTAN: Gerakan Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama Majlis Perwakilan Pelajarnya sebulat suara mempertahankan kursus Latihan Industri (LI) selama enam bulan yang sebelum ini diambil pada semester terakhir pengajian daripada diubah kepada pertengahan pengajian.

Yang Dipertua MPPUMP, Mohammad Suffi Kamari, berkata pihaknya mengambil tindakan itu kerana yakin kursus dijalankan pada akhir semester membuka lebih banyak peluang kepada pelajar pelbagai jurusan kejuruteraan di universiti itu mendapat pekerjaan sebaik menamatkan pengajian.

"Kami berpendirian sistem LI selama enam bulan yang diambil pelajar perlu dikekalkan pada akhir semester.

"Ini kerana kami mendapati ramai kalangan senior yang menjalani kursus LI di kilang akan terus diserap bekerja dengan mereka," katanya ketika menghadiri perjumpaan di UMP Kampus Gambang, di sini, kelmarin.